

LEMBAH KLANG

■ ARZIANA MOHMAD AZAMAN

PUNCAK ALAM – Hampir 20,000 penduduk Puncak Alam didakwa terkandas apabila kedua-dua laluan utama ditenggelami air selepas hujan lebat melanda kawasan itu petang semalam.

Lebih teruk, kawasan perumahan Shah Alam 2@ Sinar Alam (SA2) ditenggelami air sehingga satu meter sehingga 20 kanak-kanak bersama lima guru terpaksa dipindahkan ke tempat selamat selepas taska dinaiki air.

Taska yang terletak di Lorong Lautan Samudera itu dinaiki air dan anggota bomba dari Balai Bomba Penyelamat Bestari Jaya membantu memindahkan mangsa selepas menerima panggilan orang awam pada jam 5.25 petang.

Dalam pada itu, Surau At Taufiqiah dijadikan penempatan sementara bagi penduduk yang terjejas dalam musibah banjir kilat manakala kesesakan teruk berlaku di Shah Alam-Puncak Alam, Meru-Puncak Alam dan Alam Perdana-Puncak Alam.

Pengerusi Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Zon 07, Mohd Razib Mohd Talib, berkata, musibah banjir yang melanda kawasan itu terburuk setakat ini pernah berlaku.

"Kedua-dua laluan masuk Puncak Alam ditenggelami air dan hampir 20,000 penduduk terkandas manakala kawasan SA2 dinaiki air sehingga paras satu meter.

"Penduduk mendesak PBT ambil tindakan drastik selesaikan isu banjir memandangkan longkang tersumbat dan melimpah ke jalan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Tambah Mohd Razib, bukan sahaja laluan masuk terjejas, tetapi beberapa perumahan turut dinaiki air seperti di SA2, Alam Suria dan laluan alternatif ke Kampung Bukit Hijau.

Sementara itu, Setiausaha Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Azahari Sairin memaklumkan pihaknya maklum dengan musibah yang berlaku di Puncak Alam, bagaimanapun punca banjir masih dalam siasatan.



Anggota bomba memindahkan kanak-kanak ke tempat lebih selamat.



Musibah banjir disifatkan terburuk pernah berlaku di Puncak Alam.

Laluan masuk Puncak Alam ditenggelami air.

Puncak Alam tenggelam

Hampir 20,000 penduduk terkandas



Penduduk terpaksa meredah banjir selepas hujan lebat petang semalam.



Penduduk panik apabila air naik sehingga paras satu meter di kawasan SA2.